

**Umno Besut Yakin Pertahan Lima Kerusi Pada PRU-13**  
**Bernama**  
**14 Julai, 2012**

BESUT, 14 Julai (Bernama) -- Umno Bahagian Besut yakin mengekalkan empat kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan satu kerusi parlimen pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 akan datang.

Ketua Umno Bahagian Besut Datuk Seri Idris Jusoh berkata berdasarkan sokongan pada 31,062 anggotanya dan MCA Bahagian Besut, parti itu yakin mampu menambah majoriti pada kelima-lima kerusi berkenaan berbanding pada PRU 2008.

Beliau berkata melalui pelbagai program dan pendekatan yang dilaksanakan kerajaan, pihaknya berjaya menawan hati majoriti pengundi atas pagar yang dianggarkan lebih 20,000 orang.

"Majoriti penduduk Besut kini mempunyai kesedaran tinggi dan menolak sebarang rayuan dan janji pakatan pembangkang khususnya PAS yang mereka lihat tidak lagi relevan disokong," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno Bahagian Besut ke-25 di Dewan Gong Kemuntong, Jerneh dekat sini.

BN menyapu bersih kerusi Parlimen Besut dan empat kerusi DUN dalam kawasan parlimen berkenaan iaitu Kuala Besut, Kota Putera, Jerneh dan Hulu Besut pada PRU 2008.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680638>

